

# Z MOX CAPSULES/ ORAL SUSPENSION

Amoxicillin (250mg,500mg,250mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Zmox
2. Bagaimana Zmox berfungsi
3. Sebelum menggunakan Zmox
4. Cara menggunakan Zmox
5. Semasa menggunakan Zmox
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Zmox
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Zmox

Zmox digunakan untuk merawat pelbagai jenis jangkitan pada badan yang disebabkan oleh bakteria.

Jangkitan-jangkitan ini boleh menjelaskan

- dada (bronchitis atau pneumonia)
- pundi kencing (cystitis)
- sinus (sinusitis)
- telinga (otitis media)
- kulit, tulang dan sendi
- jangkitan dalam mulut
- jangkitan rahim

## Bagaimana Zmox berfungsi

Zmox adalah sejenis antibiotik dan ia berkerja dengan membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan. Zmox tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil "penisilin".

## Sebelum menggunakan Zmox

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Zmox jika anda:

- alah (hipersensitif) kepada amoxicillin, penisilin atau mana-mana bahan daripada amoxicillin.
- pernah mempunyai alahan (hipersensitif) tindak balas kepada mana-mana antibiotik. Ini termasuk ruam kulit atau bengkak pada muka atau leher.
- mempunyai jangkitan gastro usus yang teruk dengan cirit and muntah-muntah yang berterusan kerana boleh menganggu kadar penyerapan Z Mox.
- individu yang mempunyai alah (keturunan), asma bronkial dan demam allergik.

### - Sebelum menggunakan Zmox

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai mempunyai satu daripada yang berikut:

- Penyakit buah pinggang: Doktor anda mungkin perlu menyesuaikan dos
- Leukemia: anda mungkin mempunyai risiko tindak balas kulit yang lebih tinggi
- Sawan (epilepsi): anda mungkin mempunyai risiko sawan yang lebih tinggi.

### *Mengandung dan penyusuan bayi*

Bincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika:

- Anda hamil, mungkin hamil atau fikir anda mungkin hamil
- Anda sedang menyusukan bayi atau merancang untuk menyusu

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil sebarang ubat jika anda hamil atau menyusu.

### *Memandu dan mengendalikan mesin*

Ubat ini tidak mempunyai pengaruh yang diketahui keatas keupayaan untuk memandu dan penggunaan mesin

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau telah baru-baru ini mengambil apa-apa ubat- ubatan lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi.

Khususnya, beritahu doktor anda jika anda mengambil:

- *Allopurinol* (digunakan untuk merawat gout): anda mungkin mempunyai risiko tindak balas kulit yang lebih tinggi.

- Pil perancang: terdapat risiko pil perancang yang tidak berfungsi untuk kesan maksima.

- *Probenecid*: jika anda mengambil probenecid (digunakan untuk merawat gout), doktor anda boleh membuat keputusan untuk menyesuaikan dos amoxicillin anda.

- *tetracycline* dan *chloramphenicol* (ejen bakteristatik)

## Cara menggunakan Zmox

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak berat badan di atas 20 kg:

250mg-500 mg setiap 8 jam

Bayi berat badan sehingga 6 kg:  
25-50 mg setiap 8 jam

Bayi berat badan 6-8 kg:  
50-100 mg setiap 8 jam

Bayi dan kanak-kanak berat badan 8-20 kg:

6.7-13.3 mg / kg setiap 8 jam

Gonorrhea: 3 g sebagai dos tunggal dengan 1 g probenecid.

### - Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda apa yang perlu anda lakukan sekiranya anda terlupa untuk menggunakan.

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk anda dos seterusnya, tunggu sehingga masa untuk mengambilnya dan ambil dos yang tertinggal. Jangan mengambil dos yang berganda untuk dos yang terlepas.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan sakit perut (mual, muntah dan cirit-birit) atau air kencing berkristal yang mungkin dilihat sebagai air kencing keruh atau masalah membuang air kencing.

- **Perkara yang perlu dilakukan semasa menggunakan Zmox**

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

semasa rawatan pengambilan cecair yang mencukupi dan pengeluaran air kencing adalah penting

Maklumkan kepada doktor dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Zmox.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- **Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Zmox dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- **Perkara yang perlu diberi perhatian**

Untuk dijual oleh Runcit ke atas preskripsi Pengamal Perubatan Berdaftar sahaja.

Berhati-hati untuk gejala penting jika anda mengalami mana-mana gejala-gejala ini selepas anda mula mengambil Amoxicillin, rujuk doktor dengan kadar segera termasuk ruam kulit atau bengkak pada muka atau leher

### Kesan-sesan sampingan

Seperti semua ubat, Zmox boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang dapat. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana simptom berikut selepas mengambil ubat ini sebagai simptom yang boleh memudaratkan.

- Cirit-birit dan loya
- Ruam, demam, sakit sendi
- Pengurangan bilangan sel darah

- Kiraan platlet rendah
- Alahan kulit dan gatal-gatal kulit
- Sakit kepala, letih, lidah membengkak dan bertukar warna
- Radang mulut
- Keradangan tisu buah pinggang
- Keradangan hati dan penyakit kuning kolestatik

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI).

### Cara penyimpanan dan pelupusan Zmox

- **Penyimpanan**

Jauhkan dari jangkuan dan penglihatan kanak-kanak.

Jangan gunakan Amoxicillin selepas tarikh luput yang dinyatakan pada kotak dan lepuh foil selepas EXP.

Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

*Untuk kapsul:*

Simpan di tempat yang kering di bawah 30°C

*Untuk oral suspension:*

Setelah disusun semula, simpan pada atau di bawah 30°C dan gunakan dalam tempoh 14 hari.

- **Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

*Z Mox Kapsul 250 Mg:*

Merah gelap/ kuning, saiz "1" kapsul gelatin keras dipenuhi dengan serbuk berbutir putih keputihan dan dicetak

dengan "A" pada bahagian berwarna merah dan "85" pada bahagian badan berwarna kuning dengan dakwat hitam.

*Z Mox Kapsul 500 Mg:*

Oren / oren, saiz "0" gelatin keras kapsul tidak bercetak, dipenuhi dengan serbuk berbutir berwarna putih keputihan.

*Z Mox Untuk Oral Suspension 250mg / 5ml:*

Serbuk berbutir putih keputihan yang bebas daripada zarah asing. Selepas penggunaan: Ampaian berwarna oren dengan rasa manis dan rasa buah limau.

- **Bahan-bahan kandungan**

*Untuk kapsul:*

- Bahan aktif  
Amoxicillin trihydrate

- Bahan tidak aktif

Colloidal Anhydrous Silica, Sodium Citrate, Disodium Eddate, Sodium Benzoate, Xanthan gum, Kuning Sunset Supra, Perasa Oren Capsaroma and Gula.

*Untuk Oral Suspension:*

- Bahan Aktif:

Amoxicillin

- Bahan Tidak Aktif: Colloidal Anhydrous Silica, Sodium Citrate, Disodium Eddate, Sodium Benzoate, Xanthan gum, Sunset yellow supra, Orange flavour Capsaroma and Sugar.

- **Nombor MAL(s):**

*Z Mox Kapsul 250 Mg*  
MAL09051607AZ

*Z Mox Kapsul 500 Mg*  
MAL09042401AZ

*Z Mox Untuk Oral Suspension 250mg / 5ml*  
MAL09042411AZ

**Pengilang**

Aurobindo Pharma Limited, (Unit XII)  
Survey No. 314  
Bachupally Village, Quthubullapur Mandal,  
Ranga Reddy District,  
Andhra Pradesh, India.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

UNIMED SDN BHD  
53, Jalan Tembaga SD 5/2B,  
Bandar Sri Damansara,  
52200, Kuala Lumpur, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

23/05/2018

**Nombor siri**

NPRA(R4/1)300418/00132